

Ruj Kami : PWN(M) 005/1/3 Jld.VII (17)

Tarikh : 27 Februari 2014

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk Wira/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PINDAAN PERENGGAN 2 KEPADA SURAT EDARAN BERTARIKH 23 OKTOBER 2013 MENGENAI PENUBUHAN JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA DI PERINGKAT JABATAN NEGERI/ BADAN BERKANUN NEGERI/ PENGUASA TEMPATAN NEGERI/ SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA DAN FORMAT STANDARD PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan surat daripada Jabatan ini PWN(M) 005/1/3 Jld. VII (11) bertarikh 23 Oktober 2013 dan PWN(M) 005/1/3 Jld. VII (12) bertarikh 19 November 2013 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 bertarikh 18 Februari 2014 mengenai **Perubahan Had Nilai dan Syarat-syarat Pembelian Terus bagi Bekalan/Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-kerja Requisition selaras dengan Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan.**

3. Sehubungan dengan itu, berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014, maka Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk membuat pindaan **di perenggan 2** ke atas surat edaran tersebut adalah seperti berikut:

Perenggan 2

Dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka sering kali menerima permohonan perolehan secara rundingan terus daripada Jabatan-jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Penguasa Tempatan Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka. Untuk makluman YBhg. Datuk Wira/YBhg. Datuk/Tuan/Puan, sebelum melaksanakan sesuatu perolehan bagi bekalan/ perkhidmatan/kerja, maka tatacara perolehan hendaklah dipatuhi sepenuhnya mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Bagi sesuatu perolehan bekalan/ perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00 dan perolehan kerja yang bernilai melebihi RM20,000.00 hingga RM500,000.00 maka perolehan hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Manakala bagi semua perolehan sama ada bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM500,000.00 setahun hendaklah dipelawa secara tender **dipinda kepada** Dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka sering kali menerima


permohonan perolehan secara rundingan terus daripada Jabatan-jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Penguasa Tempatan Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka. Untuk makluman YBhg. Datuk Wira/YBhg. Datuk/Tuan/Puan, sebelum melaksanakan sesuatu perolehan bagi bekalan/ perkhidmatan/kerja, maka tatacara perolehan hendaklah dipatuhi sepenuhnya mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Bagi sesuatu perolehan bekalan/ perkhidmatan yang **bernilai melebihi RM20,000.00** hingga RM500,000.00 dan perolehan kerja yang bernilai melebihi RM20,000.00 hingga RM500,000.00 maka perolehan hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Manakala bagi semua perolehan sama ada bekalan/perkhidmatan/kerja yang melebihi RM500,000.00 setahun hendaklah dipelawa secara tender.

4. Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Edaran yang dikeluarkan pada 23 Oktober 2013 dan 19 November 2013.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ZAINAL BIN HUSSIN)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

s.k :

- i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka - untuk makluman YB Datuk Wira
- ii) Pengarah Jabatan Audit Negara
Cawangan Negeri Melaka

LAMPIRAN

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
MELAKA
(u.p. Bahagian Khidmat Pengurusan)
2. Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka
Jabatan Mufti Negeri Melaka
3. Y.A.A Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
4. Pengarah, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka
5. Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
6. Pengarah, Pejabat Pembangunan Negeri Melaka
7. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
8. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
9. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
10. Pengarah, Jabatan Pertanian Negeri Melaka
11. Pengarah, Jabatan Agama Islam Melaka
12. Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka
13. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
14. Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka
15. Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka
16. Setiausaha Sulit, Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka
17. Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
18. Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
19. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah
20. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin

21. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
22. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
23. Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Air Melaka Berhad
24. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
25. Pengurus Besar, Yayasan Melaka
26. Pengurus Besar, Perbadanan Muzium Melaka
27. Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
28. Setiausaha, Majlis Agama Islam Melaka
29. Pengarah Eksekutif, Perbadanan Stadium Melaka
30. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bioteknologi Melaka
31. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Hang Tuah Jaya
32. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka
33. Ketua Pegawai Operasi, Kumpulan Melaka Berhad
34. Pengurus, Institut Seni Malaysia Melaka
35. Pengurus Besar, Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia
36. Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pengurusan & Integriti Melaka
37. Pengurus Besar, Dunia Melayu Dunia Islam
38. Ketua Pegawai Eksekutif, Putra Specialist Hospital Sdn Bhd
39. Ketua Pegawai Eksekutif, Invest Melaka Berhad
40. Pengarah Eksekutif, Lembaga Perumahan Melaka